

TARIKH: 17/7/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 14

Cadang gaji minimum lepasan TVET RM2,000

KKDW mahu pastikan tenaga kerja kompeten seiring Revolusi Industri 4.0

KEPALA BATAS

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berhasrat menaikkan gaji minimum lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) daripada RM1,500 kepada RM2,000.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, TVET bukan sahaja mengajar subjek

konvensional, malah harus memastikan tenaga kerja yang kompeten seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

“Apa yang saya lakukan ialah transformasi... untuk kita bergerak mengorak langkah baharu ke arah IR 4.0. Kerajaan komited untuk tingkatkan TVET.

“Insya-ALLAH, satu dasar baharu oleh Menteri Pendidikan (Fadhlina Sidek) dengan kerjasama Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin), kerjasama 10 lagi kementerian untuk kita rombak dan kita akan menjadi negara maju, insya-ALLAH, di bawah pimpinan Perdana Menteri Kerajaan Madani,” katanya selepas sesi bual bicara komuniti TVET di Ekspo TVET@



AHMAD ZAHID

KKDW 2023 bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pada Ahad.

Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, sebanyak 92.5 peratus lepasan TVET berjaya mendapat pekerjaan.

Terdahulu, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan syarikat Ni Hsin EV Tech Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman bagi menjalin kerjasama strategik untuk meningkatkan aspek keusahawanan serta penguasaan teknikal yang menjurus kepada bidang teknousahawan, kajian serta latihan teknikal industri berimpak tinggi dalam bidang kenderaan elektrik (EV) dan litium bateri bagi lepasan universiti itu. - Bernama

Ni Hsin
EV Tech Sdn Bhd
no 14/20
Jln 17/14
Taman
Perindustrian
Kuala Lumpur
68000 Kuala Lumpur
Malaysia